

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT SAHUT SERUAN BANK NEGARA MALAYSIA TERAJU INISIATIF KEWANGAN SOSIAL

**METERAI DUA KERJASAMA STRATEGIK MENERUSI ITEKAD DAN JARIAH FUND,
SEMPURNAKAN MAJLIS GRADUASI HALAL DI KCK 2024**

KUCHING, 18 November 2024 - Menyahut seruan Bank Negara Malaysia untuk menjadikan kewangan Islam sebagai peneraju kewangan sosial, Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) memperluas inisiatif kewangan sosial melalui beberapa kerjasama yang dimeterai di Karnival Celik Kewangan (KCK) 2024, di sini.

Semasa karnival tersebut, dua Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Kerjasama (CA) melalui inisiatif kewangan sosial telah berlangsung antara Bank Muamalat dengan Sarawak Society for the Blind (SSB) dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) serta Majlis Graduasi Peserta Pensijilan Halal Bank Muamalat telah dijalankan.

Melalui MoU antara Bank Muamalat dengan Sarawak Society for the Blind (SSB), kedua-dua entiti akan menjalin kerjasama holistik melalui inisiatif iTEKAD, dalam memperkasakan komuniti orang kurang upaya (OKU) penglihatan di Sarawak dan menggalakkan mereka untuk menjana pendapatan sendiri.

Kini, ahli-ahli berdaftar SSB yang layak akan mendapat bantuan pembiayaan mikro, latihan berstruktur, beserta modal permulaan. Selain itu, mereka akan menerima latihan pengurusan kewangan, operasi, pemasaran digital, dan etika-etika perniagaan.

Bank Muamalat menerusi kerjasama ini turut menyokong kerangka Layanan Adil terhadap Pengguna Kewangan (*Fair Treatment of Financial Consumers, FTFC*) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bertujuan untuk mewujudkan sistem kewangan lebih inklusif yang melindungi kepentingan semua pengguna, terutamanya golongan rentan.

Sementara itu, pertukaran CA antara Bank Muamalat dengan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) bakal menyaksikan kerjasama dua entiti itu melalui inisiatif Jariah Fund iaitu portal pendanaan awam (*crowdfunding*) untuk membantu golongan memerlukan untuk mendapatkan pendidikan, penjagaan kesihatan, dan sokongan ekonomi yang sewajarnya.

Sebagai rakan amal Bank Muamalat dalam Jariah Fund, PruBSN mensasarkan **empat buah kempen** pada tahun hadapan termasuk kempen literasi kewangan kepada pelajar-pelajar sekolah dalam masa sama mempromosi Jariah Fund kepada masyarakat untuk meluaskan kutipan sejajar dengan komitmen kelestarian sosial PruBSN untuk menyediakan perlindungan kewangan dan kesihatan yang mudah diakses melalui inisiatif Takaful.

Kerjasama dengan PruBSN merupakan kolaborasi sulung di antara institusi kewangan dengan institusi takaful di bawah payung kewangan sosial. Bank Muamalat dan PruBSN juga

sedang menerokai peluang kerjasama dalam inisiatif iTEKAD, melalui perlindungan takaful kepada usahawan-usahawan yang terpilih.

Selain pertukaran dokumen MoU dan CA dengan SSB dan PruBSN, Bank Muamalat telah menyempurnakan Majlis Graduasi Peserta Program Pensijilan Halal Bank Muamalat di KCK 2024.

Melalui program tersebut, Bank Muamalat menyediakan bimbingan dan kursus latihan secara percuma kepada usahawan sehingga mereka berjaya mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di mana inisiatif tersebut dapat membuka peluang kepada usahawan-usahawan untuk memasuki pasaran halal yang lebih luas dan meningkatkan pendapatan mereka.

Seramai **empat orang usahawan** menerima sijil graduasi dalam majlis tersebut di mana dua daripadanya merupakan usahawan di bawah inisiatif iTEKAD Bank Muamalat manakala dua lagi merupakan pelanggan Bank Muamalat.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata, Kewangan sosial memainkan peranan penting dalam landskap kewangan Malaysia dan Bank Muamalat terus komited untuk memacu pertumbuhan inisiatif ini.

“Dengan kerjasama holistik melalui inisiatif kewangan sosial seperti iTEKAD, Jariah Fund dan program pensijilan halal, Bank Muamalat berharap impak kewangan sosial dapat dimaksimumkan dan golongan sasaran akan mendapat manfaat dalam usaha kita mencipta Kehidupan Lebih baik, Bersama,” katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai iTEKAD, Jariah Fund dan Program Pensijilan Halal Bank Muamalat, sila layari laman sesawang Bank Muamalat di www.muamalat.com.my atau kunjungi cawangan Bank Muamalat terdekat. Pelanggan juga boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di 03-2600 5500 untuk maklumat lanjut.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384
Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejarar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.